



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2976-355X



9 772976 355002

AES

STATISTIK EKONOMI TAHUNAN *Annual Economic Statistics*

2022

Perdagangan Borong & Runcit
Wholesale & Retail Trade

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**STATISTIK EKONOMI TAHUNAN
PERDAGANGAN
BORONG & RUNCIT**
*ANNUAL ECONOMIC STATISTICS
WHOLESALE & RETAIL
TRADE*
2022

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai jenis data. Open DOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust".

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation from respondents to provide information with DOSM and make this census a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a platform that provides a catalogue of data and visualisation that facilitates users in analysing various types of data. Open DOSM NextGen is an open source data sharing medium and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook/ Twitter / Instagram / Youtube : StatsMalaysia

Emel / *Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)

data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ *data request & enquiries*)

Harga / *Price*: RM25.00

Diterbitkan pada Mac 2023 / *Published in March 2023*

Hakcipta terpelihara. All rights reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia.”

ISSN 2976-355X

KATA PENGANTAR

Penerbitan Statistik Ekonomi Tahunan (AES), Perdagangan Borong & Runcit 2022 bagi sektor perkhidmatan memaparkan statistik utama hasil daripada Survei Ekonomi Tahunan 2022 bagi tahun rujukan 2021. Perdagangan Borong & Runcit meliputi Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor. Klasifikasi Industri yang digunakan adalah merujuk Piawain Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev 4*.

Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini adalah nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap. Statistik ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan oleh kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu.

Penerbitan ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama membentangkan infografik, ringkasan penemuan utama. Bahagian kedua memuatkan jadual terperinci, manakala di bahagian ketiga menerangkan aspek teknikal bagi skop & liputan, konsep & definisi untuk memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan survei ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Mac 2023

PREFACE

The Annual Economic Statistics (AES) Wholesale & Retail Trade 2022 presents statistics for the services sector resulted from the Annual Economic Survey 2022 for reference year 2021. Wholesale & Retail Trade sector encompass Wholesale Trade, Retail Trade and Motor Vehicles. The classified industries refer to Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4.

Statistics reported in this publication are value of gross output, intermediate input, value added, numbers of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets. These statistics can be used as a source of reference by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals.

This publication is divided into three main parts. The first part displays the infographic, and main summary of findings. The second part shows the detailed statistical table, meanwhile the third part describes technical aspects on scope & coverage and concepts & definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Any feedback and suggestion towards improving this publication in future is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

March 2023

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



BAHAGIAN 1

PART 1

PENEMUAN UTAMA & RINGKASAN PENEMUAN

MAIN FINDINGS & SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

BANI 23
BANCI EKONOMI 2023
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA



StatsMalaysia
www.dasm.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

AEIS 2022

STATISTIK EKONOMI TAHUNAN, 2022 PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

PENEMUAN UTAMA

Nilai Output Kasar

2021: RM406.9 bilion
2020: RM387.0 bilion
▲ 5.2%



Nilai Input Perantara

2021: RM151.4 bilion
2020: RM145.1 bilion
▲ 4.3%



Nilai Ditambah

2021: RM255.5 bilion
2020: RM241.9 bilion
▲ 5.7%



Bilangan Pekerja

2021: 2,151,997 orang
2020: 2,092,940 orang
▲ 2.8%



Gaji dan Upah Dibayar

2021: RM70.1 bilion
2020: RM68.0 bilion
▲ 3.0%



Nilai Harta Tetap

2021: RM140.2 bilion
2020: RM132.7 bilion
▲ 5.7%



▲ Perubahan peratusan (%): Tahun ke tahun



ANNUAL ECONOMIC STATISTICS, 2022 WHOLESALE & RETAIL TRADE

MAIN FINDINGS

Value of Gross Output

2021: RM406.9 billion
2020: RM387.0 billion
▲ 5.2%



Value of Intermediate Input

2021: RM151.4 billion
2020: RM 145.1 billion
▲ 4.3%



Value Added

2021: RM255.5 billion
2020: RM241.9 billion
▲ 5.7%



Number of Persons Engaged

2021: 2,151,997 persons
2020: 2,092,940 persons
▲ 2.8%



Salaries & Wages Paid

2021: RM70.1 billion
2020: RM68.0 billion
▲ 3.0%



Value of Fixed Assets

2021: RM140.2 billion
2020: RM132.7 billion
▲ 5.7%



▲ Percentage change (%): Year-on-Year

RINGKASAN PENEMUAN

1. PENGENALAN


Penerbitan ini memaparkan statistik bagi Perdagangan Borong & Runcit hasil daripada Survei Ekonomi Tahunan 2022 bagi tahun rujukan 2021. Perdagangan Borong & Runcit merangkumi Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor. Statistik utama seperti nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar dan nilai harta tetap yang dimiliki turut dipaparkan dalam penerbitan ini.

2. PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan nilai output kasar sebanyak RM406.9 bilion pada tahun 2021 berbanding RM387.0 bilion pada tahun 2020, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.2 peratus. Selaras dengan pertumbuhan nilai output kasar, nilai input perantaraan meningkat 4.3 peratus kepada RM151.4 bilion (2020: RM145.1 bilion). Seterusnya, nilai ditambah subsektor ini turut merekodkan peningkatan 5.7 peratus kepada RM255.5 bilion berbanding RM241.9 bilion pada tahun 2020.

Bilangan pekerja dalam sektor ini merekodkan peningkatan 2.8 peratus kepada 2,151,997 orang berbanding 2,092,940 orang pada tahun 2020. Sementara itu, gaji & upah dibayar pada tahun 2021 adalah sebanyak RM70.1 bilion, meningkat 3.0 peratus berbanding RM68.0 bilion pada tahun 2020, dan nilai harta pula mencecah RM140.2 bilion (2020: RM132.7 bilion), meningkat 5.7 peratus seperti yang ditunjukkan di **Paparan 1**.


Paparan 1: Statistik Utama bagi Sektor Perdagangan Borong & Runcit, 2020 dan 2021



3. NILAI OUTPUT KASAR

Penyumbang terbesar nilai output kasar bagi Perdagangan Borong & Runcit pada tahun 2021 adalah subsektor Perdagangan Borong berjumlah RM185.3 bilion dengan sumbangan sebanyak 45.5 peratus. Ini diikuti dengan subsektor Perdagangan Runcit sebanyak RM184.5 bilion (45.3%) dan subsektor Kenderaan Bermotor sebanyak RM37.2 bilion (9.2%) seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Nilai Output Kasar bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut Subsektor, 2021




3.1 NILAI OUTPUT KASAR MENGIKUT NEGERI

W.P. Kuala Lumpur mencatatkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM137.8 bilion pada tahun 2021, dengan sumbangan sebanyak 33.9 peratus. Ini diikuti oleh Selangor dan Johor dengan nilai output kasar masing-masing sebanyak RM128.7 bilion (31.6%) dan RM27.7 bilion (6.8%). Nilai output kasar bagi ketiga-tiga negeri ini adalah RM294.2 bilion (72.3%).

4. NILAI DITAMBAH

Paparan 3 menunjukkan nilai ditambah bagi Perdagangan Borong & Runcit pada tahun 2021 sebanyak RM255.5 bilion, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.7 peratus berbanding RM241.9 bilion pada tahun 2020. Perdagangan Runcit merekodkan nilai ditambah tertinggi pada tahun 2021 sebanyak RM118.5 bilion (46.4%). Ini diikuti dengan Perdagangan Borong sebanyak RM114.1 bilion (44.6%) dan Kenderaan Bermotor sebanyak RM22.9 bilion (9.0%).

Paparan 3: Nilai Ditambah bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut Subsektor, 2021




4.1 NILAI DITAMBAH MENGIKUT NEGERI

Nilai ditambah mengikut negeri pada tahun 2021 menunjukkan tiga negeri, iaitu W.P. Kuala Lumpur, Selangor dan Johor merupakan penyumbang utama kepada nilai ditambah bagi Perdagangan Borong & Runcit. W.P. Kuala Lumpur merekodkan nilai ditambah tertinggi iaitu RM87.0 bilion dengan sumbangan sebanyak 34.1 peratus, diikuti dengan Selangor sebanyak RM82.4 bilion (32.2%) dan Johor sebanyak RM16.4 bilion (6.4%). Sumbangan nilai ditambah bagi ketiga-tiga negeri ini bagi Perdagangan Borong & Runcit adalah RM185.8 bilion (72.7%).

5. BILANGAN PEKERJA DAN KATEGORI PEKERJA


Bilangan pekerja pada tahun 2021 berjumlah 2,151,997 orang, meningkat sebanyak 2.8 peratus berbanding 2,092,940 orang pada tahun 2020. Subsektor Perdagangan Runcit merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu 1,263,380 orang atau 58.7 peratus, diikuti dengan subsektor Perdagangan Borong dengan 565,385 orang atau 26.3 peratus dan subsektor Kenderaan Bermotor sebanyak 323,232 orang atau 15.0 peratus seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4**.

Paparan 4: Bilangan Pekerja Perdagangan Borong & Runcit mengikut Subsektor, 2021



Pekerja bergaji sepenuh masa merekodkan 1,601,179 orang dengan sumbangan sebanyak 74.4 peratus. Sementara itu, pemilik yang bekerja & pekerja keluarga tidak bergaji dan pekerja sambilan masing-masing mencatatkan 439,016 orang (20.4%) dan 111,802 orang (5.2%) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 5**. Daripada jumlah keseluruhan pekerja bergaji sepenuh masa, kategori perkeranian dan pekerjaan yang berkaitan merekodkan bilangan pekerja tertinggi sebanyak 923,966 orang atau 57.7 peratus, diikuti oleh pekerja asas sebanyak 444,521 orang (27.8%) dan pengurus, profesional dan penyelidik sebanyak 167,958 orang (10.5%).


Paparan 5: Bilangan Pekerja bagi Perkhidmatan Perdagangan Borong & Runcit Mengikut Kategori Pekerja, 2021



6. GAJI & UPAH YANG DIBAYAR

Jumlah gaji & upah yang dibayar dalam Perdagangan Borong & Runcit pada tahun 2021 berjumlah RM70.1 bilion, meningkat 3.0 peratus berbanding RM68.0 bilion pada tahun 2020. Subsektor Perdagangan Runcit merekodkan gaji & upah yang dibayar tertinggi iaitu RM38.5 bilion atau 55.0 peratus daripada keseluruhan gaji & upah yang dibayar. Ini diikuti oleh subsektor Perdagangan Borong sebanyak RM22.8 bilion (32.6%) dan subsektor Kenderaan Bermotor sebanyak RM8.7 bilion (12.4%) seperti di **Paparan 6**. Secara purata, gaji dan upah yang dibayar dalam Perdagangan Borong & Runcit adalah sebanyak RM2,714 sebulan.

Paparan 6: Gaji & Upah bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut Subsektor, 2021



SUMMARY OF FINDINGS

1. INTRODUCTION


This publication presents statistics on Wholesale & Retail Trade sector resulted from the Annual Economic Survey 2022 for reference year 2021. The Wholesale & Retail Trade sector comprises Wholesale Trade, Retail Trade and Motor Vehicle. The main statistics such as the value of gross output, value of intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages paid as well as value of fixed assets owned are also presented in this publication.

2. PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE

Wholesale & Retail Trade recorded gross output value of RM406.9 billion in 2021 as compared to RM387.0 billion in 2020, with an annual growth rate of 5.2 per cent. In line with the growth in gross output, the value of intermediate input recorded an increase of 4.3 percent to RM151.4 billion (2020: RM145.1 billion). The value added of this subsector also recorded an increase of 5.7 percent to RM255.5 billion as compared to RM241.9 billion in 2020.

The number of persons engaged in this sector recorded an increase of 2.8 per cent to 2,151,997 persons as compared to 2,092,940 persons in 2021. Meanwhile, the salaries & wages paid in 2021 amounted to RM70.1 billion, an increase of 3.0 per cent compared to RM68.0 billion in 2020, and value of fixed assets amounted to RM140.2 billion (2020: RM132.7 billion), an increase of 5.7 per cent as shown in **Exhibit 1**.


Exhibit 1: Principle Statistics of Wholesale & Retail Trade Sector, 2020 and 2021



3. VALUE OF GROSS OUTPUT

The main contributor for value of gross output for Wholesale & Retail Trade sector in 2021 was Wholesale Trade sub-sector which amounted to RM185.3 billion with a share of 45.5 per cent. This was followed by Retail Trade sub-sector of RM184.5 billion (45.3%) and Motor Vehicle sub-sector with RM37.2 billion (9.2%) as shown in in **Exhibit 2**.

Exhibit 2: Value of Gross Output for Wholesale & Retail Trade by Sub-sector, 2021




3.1 VALUE OF GROSS OUTPUT BY STATE

W. P. Kuala Lumpur recorded the highest gross output value of RM137.8 billion in 2021, representing a total share of 33.9 per cent. This was followed by Selangor and Johor with the gross output value of RM128.7 billion (31.6%) and RM27.7 billion (6.8%), respectively. The total value of gross output for these three states amounted to RM294.2 billion (72.3%).

4. VALUE ADDED

Exhibit 3 shows the value added of Wholesale & Retail Trade in 2021 which recorded RM255.5 billion, with an annual growth rate of 5.7 per cent as compared to RM241.9 billion in 2020. Retail Trade recorded the highest value added in 2021 amounted to RM118.5 billion (46.4%). This was followed by Wholesale Trade of RM114.1 billion (44.6%) and Motor Vehicle with RM22.9 billion (9.0%).




4.1 VALUE ADDED BY STATE

Value added by state in 2021 indicated that three states, namely W.P. Kuala Lumpur, Selangor and Johor were the main contributors to the value added of Wholesale & Retail Trade. W.P. Kuala Lumpur recorded the highest value added of RM87.0 billion with a share of 34.1 per cent, followed by Selangor with RM82.4 billion (32.2%) and Johor with RM16.4 billion (6.4%). Collectively, the share of value added for these three states to the Wholesale & Retail Trade was RM185.8 billion (72.7%).

5. NUMBER OF PERSONS ENGAGED AND CATEGORY OF WORKERS


The number of persons engaged in 2021 amounted to 2,151,997 persons, increased by 2.8 per cent as compared to 2,092,940 persons engaged in 2020. Retail Trade sub-sector registered the highest number of persons engaged with 1,263,380 persons or 58.7 per cent, followed by Wholesale Trade sub-sector with 565,385 persons or 26.3 per cent and Motor Vehicle sub-sector with 323,232 persons or 15.0 per cent as shown in **Exhibit 4**.

Exhibit 4: Number of Persons Engaged for Wholesale & Retail Trade Sector by Sub-sector, 2021



Paid full-time employees recorded 1,601,179 persons, with a share of 74.4 per cent. Meanwhile, working proprietors & unpaid family workers and part-time employees recorded 439,016 persons (20.4%) and 111,802 persons (5.2%), respectively, as shown in **Exhibit 5**. Out of the total paid full-time employees, clerical and related occupations recorded the highest number of persons engaged with 923,966 persons or 57.7 per cent, followed by elementary occupation with 444,521 persons (27.8%) and managers, professionals and researchers with 167,958 persons (10.5%).


Exhibit 5 : Number of Persons Engaged for Wholesale & Retail Trade by Category of Workers, 2021



6. SALARIES & WAGES PAID

The total salaries & wages paid in Wholesale & Retail Trade in 2021 amounted to RM70.1 billion, an increase of 3.0 percent as compared to RM68.0 billion in 2020. Retail Trade sub-sector recorded the highest salaries & wages paid with RM38.5 billion or 55.0 per cent of the total salaries & wages paid. This was followed by Wholesale Trade subsector with RM22.8 billion (32.6%) and Motor Vehicle sub-sector with RM8.7 billion (12.4%) as shown in **Exhibit 6**. On average, total salaries and wages paid for the Wholesale & Retail Trade was RM2,714 a month.

Exhibit 6: Salaries & Wages for Wholesale & Retail Trade by Sub-sector, 2021





BAHAGIAN 2

PART 2

JADUAL

TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Jadual 1: Statistik Utama Perdagangan Borong & Runcit, 2017-2021*Table 1: Principal Statistics of Wholesale & Retail Trade, 2017-2021*

Tahun <i>Year</i>	Nilai output kasar <i>Value of gross output</i>	Nilai input perantara <i>Value of intermediate input</i>	Nilai ditambah <i>Value added</i>	Jumlah pekerja <i>Total number of persons engaged</i>	Gaji & upah yang dibayar <i>Salaries & wages paid</i>	Nilai harta tetap <i>Value of fixed assets</i>
	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>		(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>
2021	406,896	151,357	255,538	2,151,997	70,078	140,189
2020	386,962	145,097	241,865	2,092,940	68,010	132,671
2019	410,455	155,725	254,731	2,099,742	67,932	144,164
2018*	384,290	146,311	237,979	2,002,838	62,873	134,118
2017	353,800	141,573	212,227	1,864,900	48,887	106,537

Nota / Note***Merujuk kepada tahun banci****Refer to census year*

Jadual 1.1: Statistik Utama Perdagangan Borong & Runcit mengikut Aktiviti, 2021*Table 1.1: Principal Statistics of Wholesale & Retail Trade by Activities, 2021*

Aktiviti <i>Activities</i>	Nilai output kasar <i>Value of gross output</i>	Nilai input perantaraan <i>Value of intermediate input</i>	Nilai ditambah <i>Value added</i>	Jumlah pekerja <i>Total number of persons engaged</i>	Gaji & upah yang dibayar <i>Salaries & wages paid</i>	Nilai harta tetap <i>Value of fixed assets</i>
	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>		(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>
Jumlah <i>Total</i>	406,896	151,357	255,538	2,151,997	70,078	140,189
Perdagangan Borong <i>Wholesale Trade</i>	185,291	71,196	114,095	565,385	22,849	50,751
Perdagangan Runcit <i>Retail Trade</i>	184,450	65,917	118,533	1,263,380	38,515	70,095
Kenderaan Bermotor <i>Motor Vehicles</i>	37,154	14,244	22,910	323,232	8,715	19,344

Jadual 2: Statistik Utama Perdagangan Borong & Runcit mengikut Negeri, 2021

Table 2: Principal Statistics of Wholesale & Retail Trade by State, 2021

Negeri <i>State</i>	Nilai output kasar <i>Value of gross output</i>	Nilai input perantaraan <i>Value of intermediate input</i>	Nilai ditambah <i>Value added</i>	Jumlah pekerja <i>Total number of persons engaged</i>	Gaji & upah yang dibayar <i>Salaries & wages paid</i>	Nilai harta tetap <i>Value of fixed assets</i>
	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>		(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>
Jumlah <i>Total</i>	406,896	151,357	255,538	2,151,997	70,078	140,189
Johor	27,651	11,269	16,382	224,727	6,180	10,179
Kedah	7,816	3,105	4,711	87,102	1,858	5,282
Kelantan	5,446	1,840	3,606	79,074	1,049	1,802
Melaka	8,195	2,833	5,362	71,761	1,811	3,090
Negeri Sembilan	4,741	1,748	2,993	56,147	1,321	2,783
Pahang	8,079	2,660	5,419	72,323	1,548	3,033
Pulau Pinang	21,088	9,523	11,565	134,135	3,814	7,740
Perak	16,138	6,160	9,978	150,179	3,429	6,270
Perlis	791	291	500	10,796	195	399
Selangor	128,700	46,305	82,395	518,143	21,803	38,081
Terengganu	3,988	1,341	2,646	45,193	797	1,402
Sabah	17,502	6,495	11,007	134,196	2,894	4,813
Sarawak	17,995	6,639	11,356	141,597	3,640	6,025
W.P. Kuala Lumpur	137,819	50,807	87,011	418,705	19,522	48,670
W.P. Labuan	465	166	298	5,568	144	248
W.P. Putrajaya	481	174	307	2,351	73	374

Jadual 3: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah yang Dibayar bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut Kategori Pekerja, 2021

Table 3: Number of Persons Engaged and Salaries & Wages paid of Wholesale & Retail Trade by Category of Workers, 2021

Kategori kemahiran <i>Category of skilled</i>	Bilangan Pekerja <i>Number of persons engaged</i>			Gaji & upah yang dibayar <i>Salaries & wages paid</i>
	Jumlah <i>Total</i>	Lelaki <i>Male</i>	Perempuan <i>Female</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>
Jumlah <i>Total</i>	2,151,997	1,284,402	867,595	70,078
Jumlah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji <i>Total working proprietors and unpaid family workers</i>	439,016	255,721	183,295	-
Jumlah pekerja bergaji (sepenuh masa) <i>Total paid employees (full-time)</i>	1,601,179	968,626	632,553	68,465
Pengurus, profesional dan penyelidik <i>Manager, professional and researcher</i>	167,958	108,150	59,808	24,499
Juruteknik dan profesional bersekutu <i>Technicians and associate professionals</i>	64,734	53,701	11,033	4,850
*Perkeranian dan pekerjaan yang berkaitan <i>Clerical and related occupations</i>	923,966	492,488	431,478	30,072
Pekerja asas <i>Elementary occupation</i>	444,521	314,287	130,234	9,043
Pekerja bergaji (sambilan) <i>Paid employees (part-time)</i>	111,802	60,055	51,747	1,613

* Termasuk pekerja perkhidmatan & jualan, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan operator mesin & loji pemasangan

Includes service & sales workers, craft & related trades workers and plant & machine operators & assemblers

Jadual 4: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah yang Dibayar bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut Kategori Kemahiran dan Jantina, 2021

Table 4: Number of Persons Engaged and Salaries & Wages paid of Wholesale & Retail Trade by Category of Skilled and Sex, 2021

Kategori kemahiran <i>Category of skilled</i>	Bilangan Pekerja <i>Number of persons engaged</i>			Gaji & upah yang dibayar <i>Salaries & wages paid</i>
	Jumlah <i>Total</i>	Lelaki <i>Male</i>	Perempuan <i>Female</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>
Jumlah <i>Total</i>	1,601,179	968,626	632,553	68,465
* Mahir <i>High-Skilled</i>	232,692	161,851	70,841	29,349
** Separuh Mahir <i>Semi-Skilled</i>	923,966	492,488	431,478	30,072
*** Berkemahiran rendah <i>Low-Skilled</i>	444,521	314,287	130,234	9,043

* **Termasuk pengurusan & profesional dan juruteknik & profesional bersekutu**

Includes managers & professionals and technicians & associate professionals

** **Termasuk pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan operator mesin & loji pemasangan**

Includes clerical support workers, service & sales workers, craft & related trades workers and plant & machine operators & assemblers

*** **Termasuk pekerja asas**

Includes elementary occupations

Jadual 5: Perbelanjaan Modal dan Nilai Harta Tetap bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut Aktiviti , 2021*Table 5: Capital Expenditure and Value of Fixed Asset of Wholesale & Retail Trade by Activity, 2021*

Aktiviti <i>Activities</i>	Perbelanjaan modal <i>Capital expenditure</i>	Pelupusan <i>Disposal</i>	Susut nilai <i>Current depreciation</i>	Nilai harta tetap <i>Value of fixed assets</i>
	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>	(RM juta) <i>(RM million)</i>
Jumlah <i>Total</i>	21,969	2,496	14,888	140,189
Perdagangan Borong <i>Wholesale Trade</i>	8,782	794	5,880	50,751
Perdagangan Runcit <i>Retail Trade</i>	6,612	1,415	5,259	70,095
Kenderaan Bermotor <i>Motor Vehicles</i>	6,575	287	3,749	19,344



BAHAGIAN 3 PART 3

NOTA TEKNIKAL TECHNICAL NOTES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

NOTA TEKNIKAL / TECHNICAL NOTES

1. SKOP DAN LIPUTAN

Penerbitan ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam sektor Perkhidmatan berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4*.

Statistik utama yang diterbitkan adalah nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar dan nilai harta tetap. Penghasilan statistik ini adalah berdasarkan kepada penyusunan data dari pelbagai sumber termasuk statistik jangka pendek yang dikeluarkan oleh DOSM dan data pentadbiran yang terdapat dari agensi lain dengan mengadaptasi teknik penganggaran statistik yang bersesuaian.

2. SUMBER RANGKA PERTUBUHAN

Sumber utama rangka statistik perniagaan adalah daripada Malaysia Statistical Business Register (MSBR). MSBR adalah senarai pertubuhan / perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROB) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai di MSBR dikemas kini secara berkala berdasarkan tinjauan dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan sumber data pentadbiran daripada agensi lain. Sumber utama data pentadbiran adalah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM). Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), pihak berkuasa tempatan dan badan profesional.

Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi / alamat pos untuk memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

3. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan Piawaian Klasifikasi Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0 selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, United Nations* dan pengubahsuaian mengikut keperluan tempatan.

4. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi yang diguna berasaskan kepada *Manual International Recommendations for Distributive Trade Statistics 2008 (IRDTS 2008)* oleh *United Nations Statistics Division*. Konsep berkenaan mengikut amalan yang sudah diterima pakai bagi memudahkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

Takrif yang digunakan adalah selaras dengan MSIC 2008 Versi 1.0 adalah seperti berikut:

4.1 Perdagangan Borong & Runcit

4.1.1 Perdagangan Borong

Ditakrifkan sebagai “penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan terpakai kepada peruncit, pengguna perindustrian, komersial, institusi atau professional, atau kepada pemborong lain, atau bertindak sebagai Ejen atau broker dalam membeli barangan dagangan.”

Pemborong biasanya memasang sendiri, memilih dan mengelas dalam lot-lot besar, memecahkan muatan yang besar, membungkus semula dan membotol (kecuali bekas yang kedap udara) dan membahagi semula kepada lot-lot kecil, menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barang serta melibatkan diri dalam promosi jualan untuk pelanggan dan reka bentuk label.

Jenis operasi utama yang terlibat dalam Perdagangan borong adalah seperti berikut:

a) **Pedagang borong**

Pemborong yang mengambil hak milik ke atas barang yang mereka jual, misalnya saudagar jual borong atau *jobber*, pengedar barang perindustrian, pengeksport, pengimport, persatuan koperasi pembeli dan stesen / terminal simpanan pukal petroleum. Ini termasuk juga pemasang, pembeli dan persatuan koperasi yang menjalankan pemasaran keluaran pertanian, penjual logam sekejap dan sisa barangan lama.

b) **Pejabat jualan dan cawangan jualan**

Ia merujuk kepada pejabat jualan dan cawangan jualan selain daripada kedai runcit yang diselenggarakan oleh pertubuhan yang menjalankan aktiviti pembuatan atau perlombongan selain loji atau lombong.

Ia bertujuan untuk memasarkan produk dan tidak hanya mengambil pesanan dan memenuhinya melalui penghantaran langsung daripada loji dan lombong. Pertubuhan seperti ini diliputi hanya sekiranya mereka menyimpan akaun berasingan bagi perniagaan edaran mereka.

c) **Ejen atau broker**

Ia meliputi broker dagangan dan komoditi, saudagar dan Ejen komisen yang terlibat dalam aktiviti borong. Mereka tidak mempunyai hak milik ke atas barang yang mereka kendalikan tetapi bekerja atas dasar komisen dan yuran melalui pembelian atau penjualan bagi pihak orang lain.

Aktiviti yang **tidak diliputi** oleh Perdagangan borong adalah seperti berikut:

- i. sewaan kelengkapan dan jentera perindustrian, pertanian dan perniagaan;
- ii. pejabat jualan pengilang / pengeluar di dalam kilang / lombong jika rekod yang berasingan untuk kedua-dua aktiviti ini tidak diperolehi;
- iii. penyewaan alat-alat pembinaan;
- iv. gudang dan penyimpanan yang ditawarkan sebagai satu aktiviti perkhidmatan yang bebas; dan
- v. pembotolan air mineral semula jadi di kawasan mata air dan perigi.

4.1.2 Perdagangan Runcit

Ditakrifkan sebagai “penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barang baru dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan persendirian atau isi rumah.” Ini termasuk jualan yang dilakukan oleh kedai, gedung serbaneka, gerai, tempat pesanan pos, penjaja dan pengedar, koperasi pengguna, atas talian dan lain-lain.

Jenis operasi utama yang terlibat dalam Perdagangan runcit adalah seperti berikut:

a) Peruncit

Merujuk kepada individu / syarikat yang terlibat dalam aktiviti jualan barang kepada isi rumah atau persendirian. Kebanyakan peruncit mempunyai hak ke atas barangan yang dijual, tetapi sebahagiannya bertindak sebagai Ejen kepada prinsipal dan menjual atas dasar konsainan atau komisen.

b) Rangkaian atau cawangan

Rangkaian merujuk kepada dua atau lebih jenis pertubuhan dalam jenis perniagaan yang sama di bawah hak milik kawalan tunggal. Rangkaian di sini adalah terdiri daripada cawangan di bawah hak milik dan kawalan pertubuhan beribu pejabat di Malaysia. Ianya tidak termasuk pertubuhan di dalam sesebuah enterprise tetapi didaftarkan secara berasingan dengan Pendaftaran Perniagaan atau Pendaftaran Syarikat. Pertubuhan dalam organisasi rangkaian antarabangsa juga tidak termasuk dalam kumpulan ini melainkan organisasi berkenaan mempunyai dua atau lebih cawangan di Malaysia. Contohnya Seng Hup, Jaya Jusco, 7-eleven dan lain-lain.

Cawangan merujuk kepada dua atau lebih pertubuhan dalam jenis perniagaan yang sama di bawah hak milik dan kawalan tunggal ibu pejabat. Ia diselenggarakan secara langsung oleh ibu pejabat dengan tujuan untuk memasarkan keluaran mereka dan membuat penghantaran langsung barangan setelah menerima pesanan daripada pelanggan.

c) Ejen atau broker

Ia merujuk kepada broker dagangan dan Ejen komisen yang terlibat dalam aktiviti runcit. Mereka tidak mengambil hak milik ke atas barangan yang dikendalikan. Sumber pendapatan adalah berdasarkan komisen dan yuran melalui pembelian atau penjualan bagi pihak orang lain.

Pertubuhan yang **mempamerkan barang** seperti alat tulis, petrol atau kayu-kayan dan terlibat dalam jualan kepada orang awam adalah diklasifikasikan ke dalam Perdagangan runcit. Jualan ini mungkin bukan untuk kegunaan persendirian atau isi rumah. (Walau bagaimanapun, pertubuhan yang menjual barangan tersebut kepada pengguna industri atau institusi diklasifikasikan ke dalam Perdagangan borong).

Pertubuhan yang terlibat dalam penyewaan barang kepada orang awam bagi kegunaan isi rumah atau persendirian dimasukkan ke

dalam Perdagangan runcit. Ianya tidak termasuk penyewaan barangan hiburan dan rekreasi seperti perahu, sampan, motosikal, basikal, kuda tunggangan dan lain-lain.

Pertubuhan yang kebanyakannya terlibat dalam jualan langsung melalui pengedar bebas dianggap sebagai sebahagian daripada Perdagangan runcit (bagi tujuan banci ini) walaupun mereka tiada hubungan langsung dengan pengguna terakhir.

Jenis perniagaan yang beroperasi hampir sama dengan Perdagangan runcit tetapi **tidak diliputi** dalam survei ini adalah seperti berikut:

- i. jualan oleh petani bagi keluaran pertanian mereka;
- ii. bakeri;
- iii. tukang jahit; dan
- iv. pembuat bingkai gambar

4.1.3 Kenderaan Bermotor

Aktiviti ini meliputi jualan secara borong dan runcit kenderaan bermotor dan motosikal, sama ada baru atau terpakai, jualan alat-alat ganti dan aksesori kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal termasuk mencuci, mengilap dan menunda kenderaan serta kegiatan Ejen berkominen yang terlibat dalam jualan.

Jenis operasi utama dalam Kenderaan bermotor adalah seperti berikut:

a) Pusat servis

Merujuk kepada pertubuhan yang mempunyai kedai atau pejabat jualan yang menawarkan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor. Sesetengah pusat servis turut terdapat jualan alat ganti.

b) Pejabat jualan dan cawangan jualan

Merujuk kepada pejabat jualan atau cawangan yang mempamerkan kenderaan bermotor seperti kereta, lori, motosikal dan sebagainya untuk tujuan jualan kenderaan baru atau terpakai dan sesetengah tempat terdapat jualan alat ganti dan penyelenggaraan serta pembaikan kenderaan bermotor.

c) Ejen atau broker

Ini meliputi broker dagangan kenderaan dan ejen komisen yang terlibat dalam aktiviti kenderaan bermotor. Mereka tidak mempunyai hak milik ke atas barang yang mereka kendalikan tetapi bekerja atas dasar komisen dan yuran melalui pembelian atau penjualan bagi pihak orang lain.

5. TAHUN SURVEI

Tahun survei adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan survei.

6. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi penyiasatan ini adalah tahun takwim 2021.

7. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Survei ini secara umumnya dijalankan melalui tiga (3) kaedah iaitu :

- i. Kaedah atas talian melalui portal e-aes: Kaedah ini menasaskan responden yang telah menggunakan kaedah ini bagi survei rutin terdahulu.
- ii. Kaedah kutipan data melalui e-mel/pos/faks/telefon: Kaedah ini menasaskan responden yang pernah terlibat dengan survei rutin terdahulu. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan.
- iii. Kaedah kutipan data secara bersemuka: Kerja luar operasi di lapangan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada pertubuhan yang belum memberi jawapan dari kedua-dua kaedah di atas dan kaedah ini menasaskan pertubuhan yang tidak pernah terlibat dengan survei rutin DOSM.

8. REKA BENTUK PERSAMPELAN

Rangka pensampelan bagi survei ini adalah pensampelan rawak strata satu peringkat. Kategori industri tiga (3) digit MSIC di peringkat negeri telah diklasifikasikan sebagai strata manakala pertubuhan sebagai unit pensampelan.

Setiap strata (industri) telah dibentuk kepada empat substrata untuk memastikan sampel yang diagihkan mengambil kira ciri-ciri ekonomi industri tersebut. Substrata utama bersifat heterogen diliputi secara liputan penuh. Manakala, substrata selainnya bersifat homogen disampelkan.

Substrata utama meliputi pertubuhan kategori besar yang mempunyai jumlah hasil yang signifikan dalam industri liputan manakala bagi substrata kedua hingga keempat berdasarkan kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

9. SAIZ SAMPEL DAN PROSEDUR PENGANGGARAN

Statistik utama yang digunakan untuk penganggaran saiz sampel adalah jumlah hasil. Formula yang digunakan dalam penganggaran saiz sampel bagi strata adalah seperti berikut:

$$n = \frac{(\sum N_i S_i)^2}{V + \sum N_i S_i^2}$$

di mana,

n	=	Saiz sampel
N_i	=	Saiz populasi bagi strata
S_i^2	=	Varian bagi strata
V	=	Varian sasaran

$$V = RSE^2 \left(\frac{\hat{Y}_i}{Z} \right)^2$$

di mana,

\hat{Y}_i	=	Jumlah hasil bagi strata i
RSE	=	Ralat piawai relatif
Z	=	Nilai aras keyakinan

Sampel akan diagihkan kepada substrata dalam industri liputan dengan menggunakan kaedah *Neyman Allocation* seperti berikut:

$$n_{hi} = \left(\frac{N_h S_h}{\sum N_h S_h} \right) n'_i$$

$h = 2, 3 \text{ dan } 4$

$i = 1, 2, \dots k$

di mana,

n_{hi} = Saiz sampel bagi substrata h dalam strata i

N_h = Saiz populasi bagi substrata h

S_h = Sisihan piawaian bagi substrata h

n_i = Saiz sampel bagi strata i

h = Substrata

i = Strata

Saiz sampel optimum bagi survei ini adalah 79,349 pertubuhan. Pertubuhan kategori besar diliputi sepenuhnya, manakala pertubuhan bagi substrata kedua hingga keempat dipilih secara rawak mengikut kaedah pensampelan bersistematik.

10. WAJARAN

Analisis berwajaran disediakan menggunakan wajaran bagi memastikan sampel yang dipilih dapat menggambarkan populasi survei. Wajaran yang diperlukan adalah wajaran di peringkat reka bentuk pensampelan dan wajaran tiada respon.

Wajaran reka bentuk pensampelan pada substrata h adalah seperti berikut:

$$W_h = \frac{N_h}{n_h}, n = 1, \dots, 4$$

di mana,

N_h = Bilangan populasi bagi substrata h

n_h = Bilangan sampel bagi substrata h

Wajaran tiada respons pada substrata h adalah seperti berikut:

$$NRW_h = \frac{1}{n'_h/n_h}, h = 1, \dots, 4$$

di mana,

n'_h = Bilangan sampel respons bagi substrata h

n_h = Bilangan sampel bagi substrata h

Kaedah pengiraan wajaran reka bentuk pensampelan selepas survei (*adjusted weight*) pada substrata h seperti berikut:

$$W'_h = W_h \times NRW_h, h = 1, \dots, 4$$

di mana,

W_h = Wajaran reka bentuk persampelan pada substrata h

NRW_h = Wajaran tiada respons pada substrata h

11. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi survei ini ialah **pertubuhan**. Sesebuah pertubuhan secara ideal ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis subsektor ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau ‘enterprise’ ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

12. NILAI OUTPUT KASAR

Nilai output kasar sektor Perdagangan Borong & Runcit meliputi:

- Jualan barang-barang
- + Jualan kenderaan bermotor
- Kos barangan yang dijual (barangan yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya, contohnya alat ganti)
- + Komisen dan yuran yang diterima
- + Pendapatan daripada perkhidmatan pembaikan pemasangan dan penyelenggaraan
- + Pendapatan dari jualan alat ganti dan aksesori
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
- + Pendapatan operasi lain
- + Perbelanjaan modal untuk membuat / membina sendiri

13. NILAI INPUT PERANTARAAN

Nilai input perantaraan sektor Perdagangan Borong & Runcit meliputi meliputi:

- Bahan dan bekalan
- + Kos pembaikan dan penyelenggaraan
- + Utiliti yang digunakan
- + Bahan pembakar, pelincir dan gas
- + Bayaran telekomunikasi
- + Pembelian perkhidmatan pengangkutan
- + Pengiklanan dan promosi
- + Kos pencetakan
- + Perbelanjaan sewa yang digunakan kecuali tanah
- + Perbelanjaan operasi lain
- + Kos pakaian percuma yang disediakan bagi pekerja
- + Bayaran kepada pengarah tidak bekerja kerana kehadiran mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah
- + Kos latihan kepada Pekerja

14. NILAI TAMBAH

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output dan input perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

15. BILANGAN PEKERJA

Bilangan pekerja merujuk kepada bilangan orang yang bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

a. Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam sesebuah pertubuhan itu. Justeru, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

b. Pekerja keluarga tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah kepada pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap, sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik tersebut dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

c. Pekerja bergaji (sepenuh masa)

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya enam jam sehari dan sekurang-kurangnya 20 hari sebulan.

d. Pekerja bergaji (sambilan)

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada enam jam sehari dan / atau kurang daripada 20 hari sebulan.

16. KATEGORI KEMAHIRAN

a. Pekerja mahir

Pengurus, Profesional dan Juruteknik & Profesional Bersekutu;

b. Pekerja separuh mahir

Pekerja Sokongan Perkeranian; Pekerja Perkhidmatan & Jualan; Pekerja Kemahiran & Pekerja Pertukangan yang Berkaitan dan Operator Mesin & Loji dan Pemasang; dan

c. Berkemahiran rendah

Pekerja Asas

17. NILAI HARTA TETAP

Aset tetap ialah aset yang dihasilkan dan digunakan secara berulang kali atau berterusan dalam proses pengeluaran melebihi daripada setahun. Aset tetap termasuk struktur, mesin dan peralatan serta aset yang diusahakan seperti pokok atau haiwan yang digunakan berulang kali atau berterusan untuk menghasilkan produk lain seperti buah-buahan atau produk tenusu. Produk harta intelek seperti perisian atau seni asal yang digunakan dalam pengeluaran juga termasuk dalam aset tetap.

18. PEMBUNDARAN

Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

19. KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN

Pengiraan kadar pertumbuhan tahunan (r) adalah berdasarkan formula berikut:

$$y_t = y_0 (1 + r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln \left(\frac{y_t}{y_0} \right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana, y_t = Nilai pada tahun semasa
 y_0 = Nilai pada tahun sebelum
 t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$
 r = Kadar pertumbuhan tahunan

20. SIMBOL DAN SINGKATAN

& : dan
% : peratus
} : cantum
- : tiada
spt : seperti
n.a : Tidak berkaitan
dll. : dan lain-lain
RM : Ringgit Malaysia
t.t.t.l. : tidak terkelas di tempat lain
W.P. : Wilayah Persekutuan

NOTA TEKNIKAL / TECHNICAL NOTES

1. SCOPE AND COVERAGE

This publication comprised registered establishments engaged in the Services sector based on Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4.

Principal statistics published are value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages paid and value of fixed assets. The production of these statistics is based on the compilation of data from various sources, including short term statistics released by DOSM and administrative data available from other agencies by adopting the appropriate statistical estimation techniques.

2. SOURCE OF ESTABLISHMENTS

The main source of updating statistical business frame namely Malaysia Statistical Business Register (MSBR). MSBR is a list of establishments operating in Malaysia which includes the Register of Companies (ROC), Register of Business (ROB) and Limited Liability Partnership (LLP) registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM) as well as establishments registered with local authorities and professional bodies. The list in the MSBR is updated regularly based on surveys and censuses conducted by the Department of Statistics Malaysia and administrative data sources from other agencies. The main source of administrative data is from the Companies Commission of Malaysia (CCM). In addition DOSM also works together to obtain the latest information from other agencies such as the Employees' Provident Fund (EPF), the Royal Malaysian Customs Department, the Inland Revenue Board (IRB), local authorities and professional bodies.

The frame is updated to take into account new establishments and to record any changes in the status of the establishments such as closed down, not in operation, change in activity and location / correspondence address so as to ensure that the frame is at the most current status.

3. **TYPE OF BUSINESS ACTIVITY**

Type of business activity refers to both principal and secondary activities. The principal activity refers to the activity to which the establishment devoted most of its resources or activity which derived most of its income. Secondary activities are defined as those incidental or ancillary to the principal activity. The classification of the industry of the establishment is based on the principal activity and is in accordance with the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC), 2008 Version 1.0 in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Revision 4, United Nations, with modifications to suit local conditions.

4. **CONCEPTS AND DEFINITIONS**

Concepts and definitions used are based on the Manual of International Recommendations for Distributive Trade Statistics 2008 (IRDTS 2008) published by the United Nations Statistics Division. This concept adheres to accepted practices, thereby facilitating data comparison at the international level.

The definition used is in accordance with the MSIC 2008 Version 1.0 are as follows:

4.1 Wholesale & Retail Trade

4.1.1 Wholesale Trade

Refer to “the resale (sale without transformation) of new and used goods to retailers, to industrial, commercial, institutional or professional users, or to other wholesalers, or involves acting as an agent or broker in buying merchandise.”

Wholesalers frequently physically assemble, sort and grade goods in large lots; break bulk, repack and bottle (except in air-tight containers) and redistribute in smaller lots, store, refrigerate, deliver and install goods as well as engage in sales promotion for their customers and label design.

The main types of operations for the Wholesale trade are as follows:

a) Merchant wholesalers

Merchant wholesalers are those who take title to the goods they sell,

such as wholesale merchants or jobbers, industrial distributors, exporters, importers, co-operative buying associations and petroleum bulk station / terminals. Assemblers, buyers and co-operative associations engaged in the marketing of farm products, scrap metal, waste and junk dealers are included as well.

b) Sales offices and sales branches

Refers to sales offices and sales branches other than retail stores, which are maintained by manufacturing or mining enterprises, apart from their plants or mines.

For the purpose of marketing their products and which do not merely take orders to be filled by direct shipments from plants or mines. Such establishments are covered if they maintain separate distributive trades' accounts.

c) Agents or brokers

